

KUTKM anjur Seminar Kenegaraan 4 Feb.

Archival News | Utusan Malaysia | 03/02/2006

MELAKA 2 Feb. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan Seminar Kenegaraan Biro Tata Negara (BTN) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di sini, Sabtu ini.

Ketua penolong Pendaftar Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangnya, Mohd. Azmi Mat Said berkata, seminar sehari itu dijadualkan bermula pukul 9 pagi dan berakhir pukul 5 petang.

Menurutnya, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba dijangka hadir bagi merasmikan seminar tersebut.

Jelasnya, pihak penganjur turut menjemput dua penceramah iaitu Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Dzaki Jusoh dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam untuk membentangkan kertas kerja pada seminar berkenaan.

"Pihak penganjur turut mengadakan forum kenegaraan yang diadakan pada sebelah petang.

"Antara ahli panel ialah Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Idris Haron; Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Osman Desa dan Timbalan Rektor Penyelidikan dan Pengkomersilan dan Inovasi, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohd. Diah," ujarnya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

(Source : Utusan Malaysia)